



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

ATURAN URUSAN MESYUARAT

**PERSIDANGAN HARI PERTAMA
MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS
ISNIN, 09 NOVEMBER 2020 BERSAMAAN 23 RABI'ULAWAL 1442H
JAM 9.00 PAGI**

1. **Bacaan Doa**
2. **Pemasyhuran oleh Tuan Speaker**
3. **Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawapan-Jawapan Lisan**

(1) YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Bagaimanakah Kerajaan Negeri Sarawak membantu dalam mengekalkan peluang pekerjaan untuk komuniti Sarawak sendiri yang mempunyai kepakaran tertentu?

(2) YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Selain daripada penternakan kerbau untuk pengeluaran produk yang berasaskan daging, adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan penternakan kerbau untuk pengeluaran produk-produk lain?

(3) YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)

To ask the Minister for Infrastructure and Port Development

Is there any plan for the Ministry to construct an alternative road from Jalan Kilang to Jalan Janting to ease the traffic congestion especially during peak hours?

(4) YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

Apakah status pelaksanaan Projek Skim Pembesaran Kpg Pusa, Kpg Kalok, Kpg Beladin, Kpg Spinang, Kpg Semarang, Kpg Batang Maro dan Kpg Tambak?

(5) YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)

To ask the Minister for Utilities

When will the rural electrification scheme, either through SESCO power supply line or under SARES be implemented to the following longhouses?

- (a) Semulong Hulu and Semulong Ili, Lingga
- (b) Menuang (2 longhouses), Lingga;
- (c) Langgir, Lingga;
- (d) Kubau, Pantu (3 longhouses);
- (e) Engkerepok (2 longhouses).

(6) YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan

Penggiat industri pelancongan di Bau kini aktif menggunakan aplikasi sosial media dalam mempromosikan produk-produk pelancongan mereka. Justeru, apakah program yang ada bagi melatih penggiat-penggiat industri ini dalam kemahiran penggunaan aplikasi sosial media?

(7) YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina hospital di DUN N.48 Meluan?

(8) YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)

Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Jawatankuasa Pelaburan (*Investment Committee*) di setiap bahagian di Sarawak, terutamanya di Mukah?

(9) YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

Bertanya kepada Menteri Belia dan Sukan

Apakah status permohonan projek membina Stadium Tertutup Bersepadu dengan Taman/Tapak Rekreasi yang sangat diperlukan untuk penganjuran pesta dan aktiviti berskala besar di Sarikei?

(10) YB PUAN IRENE MARY CHANG OI LING (N.51 BUKIT ASSEK)

To ask the Minister for Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development

Give statistic of homeless people in Sarawak according to division, measures taken by Ministry in dealing with homeless people during this pandemic period and long and short-term measures to address and eradicate this social problem.

(11) YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi

Bila Projek Gantian Penuh SK Sebebman Spaoh akan dilaksanakan? Apakah skop projek dan kos pembinaannya?

(12) YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Apakah rancangan Kerajaan dalam mempromosikan Tanaman Durian Musang King di Sarawak?

(13) YB IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

- (a) Apakah status projek naiktaraf loji penapisan air di Pakan Stapang?
- (b) Adakah Kerajaan akan menaiktaraf loji penapisan air di Pekan Selangau?

(14) YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)

To ask the Minister for Transport

How much does the taxi and ride-hailing businesses been affected by the COVID-19 pandemic and what measures have been taken to assist them?

(15) YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah kapasiti pelabuhan-pelabuhan di Sarawak? Adakah ianya setanding dengan taraf pelabuhan antarabangsa?

(16) YB ENCIK JEFFERSON JAMIT ANAK UNYAT (N.63 BUKIT GORAM)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Adakah terdapat sebarang rancangan untuk menambahkan bilangan Rumah Mesra Rakyat yang telah siap dibina beberapa tahun yang terdahulu di Kapit?

(17) YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

Berkenaan isu tanah dan rumah penduduk kampung;

- (a) Bolehkah Kerajaan menyemak semula polisi kelayakan memperolehi lot tanah SPK daripada polisi satu milikan tanah kepada dua milikan tanah?
- (b) Apakah cadangan Kerajaan bagi mengatasi masalah keluarga yang tidak berumah kerana ketiadaan tanah?

(18) YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2030. Soalan saya, apakah perancangan, pendekatan dan pelan tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk DUN N.25 Simunjan memandangkan pendekatan yang dilaksanakan setakat ini masih macam biasa atau *business as usual*?

(19) YB DR HAJI HAZLAND BIN ABANG HIPNI (N.5 DEMAK LAUT)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Berapakah jangka hayat jalan raya yang dibina di Sarawak berbanding dengan jalan raya di Semenanjung Malaysia? Berapakah kos penyelenggaraannya untuk satu kilometer?

(20) YB DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN AZIZ (N.38 KALAKA)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi

Adakah Kerajaan merancang untuk membina sebuah sekolah rendah baru di Pekan Saratok kerana SK Abang Abdul Rahman Saratok kini sudah padat dengan pelajar?

(21) YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Apakah kesan pakej pemulihan dan rangsangan ekonomi akibat COVID-19 terhadapimbangan dagangan, eksport negeri, defisit fiskal, inflasi dan kehilangan pekerjaan?

(22) YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)

Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak

Sebuah Anjung Usahawan amat diperlukan di Kabong untuk menggalak dan mengembangkan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Bilakah pembinaan Anjung Usahawan dapat dilaksanakan di Kabong?

(23) YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKILILI)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Pihak peneroka SALCRA telah merungut berkenaan perolehan hasil dividen. Adakah pihak SALCRA akan memberi dividen setiap tahun serta berapakah jumlah wang yang diberikan kepada setiap seorang peneroka di kawasan DUN N.33 Engkilili khususnya dan di seluruh Sarawak amnya?

(24) YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah status terkini kerja-kerja pembinaan Jalan Bawang Ubor/Mentawai yang sedang dalam pelaksanaan dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya?

(25) YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)

Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak

Berapa ramaikah pemohon *Kenyalang Gold Card*, permohonan Bantuan Kebajikan Sarawakku Sayang (BKSS), Bantuan *Endowment Fund* dan Ibu yang bersalin bagi seluruh Negeri Sarawak setakat Oktober 2020?

(26) YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membina Kompleks Pejabat Kerajaan Persekutuan di Daerah Daro memandangkan pada masa kini kebanyakan Pejabat Jabatan Persekutuan masih menumpang di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri dan menyewa rumah kedai untuk dijadikan pejabat?

(27) YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Berapa peratuskah anak tempatan Sarawak yang menjawat jawatan eksekutif dan ke atas berbanding rakyat Malaysia yang lain dalam sektor perladangan kelapa sawit di negara ini?

(28) YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 KEDUP)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Nyatakan berapakah program ALAF yang sudah dilaksanakan di Daerah Serian dan Daerah Tebedu setakat ini?

(29) YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)

To ask the Minister for Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development

What is the status of planning to set up Tempat Transit Gelandangan in Sibiu?

(30) YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Adakah perbezaan dari segi *requirement* yang perlu diikuti oleh sebuah *barbershop* dan *salon* bagi mendapat kelulusan permit perniagaan? Adakah Kementerian membezakan kedua-dua ini memandangkan kebanyakan *barbershop* adalah dari golongan yang kurang berkemampuan dan belia?

(31) YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Bagaimanakah Kerajaan Negeri Sarawak membantu komuniti luar bandar untuk membangunkan ekonomi dengan menerapkan Ekonomi Digital? Siapakah yang dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan isu *service line* internet di kawasan luar bandar?

(32) YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Bilakah kerja-kerja membina benteng di kawasan Stumbin, Lingga, Kampung Hilir, Tanjung Engkabang, Kampung Hulu, Pasir Panas Sri Aman dan Maludam dibina bagi menangani risiko banjir dan hakisan yang serius di kawasan-kawasan tersebut?

(33) YB ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT (N.49 NGEMAH)

To ask the Minister for Urban Development and Natural Resources

Whether the State Government has any plan to allocate a piece of land to individual family living in the current RASCOM Resettlement Area (at Ngungun, Jagau and Tada area) in Ngemah Constituency?

(34) YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)

To ask the Minister for Education, Science and Technological Research

Is there any plan to repair or construct any new building for SMK Kanowit which needs serious attention?

(35) YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Mengapakah masalah gangguan bekalan air bersih sering berlaku di DUN N.35 Saribas? Nyatakan punca gangguan dan rancangan Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

(36) YB ENCIK CHIEW CHIU SING (N.68 TANJONG BATU)

To ask the Chief Minister

In the midst of the global pandemic and COVID-19 recession, what is the State Government's plan to keep jobs, create jobs and rebuild our economy to secure our economic future and guarantee the essential services the people of Sarawak rely on?

(37) YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Adakah pihak Kerajaan akan membina lampu isyarat *traffic light* di antara Serian 1 dan Serian 2, Projek Lebuhraya Pan Borneo untuk pakej dari Serian hingga ke Simpang Pantu?

(38) YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

To ask the Minister for Local Government and Housing

Is there any plan to improve and upgrade the waterfront of Sarikei as it is wide and strategically positioned on the banks of the Rajang River?

(39) YB DATO HENRY HARRY ANAK JINEP (N.2 TASIK BIRU)

To ask the Minister for Urban Development and Natural Resources

- (a) What is the State Government's policy to ensure that the natural resources such as mineral, sand and land in Bau District are well managed?
- (b) Whether the local community benefit from the natural resources extracted or mined from their areas?

(40) YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)

To ask the Minister for Utilities

Currently the following schools use generator sets even though SESCO overhead power supply line passes through these schools. When is the Government going to connect the power supply line to these schools?

- (a) SK St Maetin, Lachau
- (b) SK Munggu Bringin
- (c) SK Engkeranji

(41) YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)

Bertanya kepada Ketua Menteri

- (a) Adakah Kerajaan Sarawak merancang untuk menyediakan latihan berjadual untuk Ketua-ketua Masyarakat dan Ketua-ketua Kaum/Tuai Rumah/Kapitan (KMKK) menjalani kursus tadbir dan etika yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka?
- (b) Adakah Kerajaan merancang untuk menaikkan elaun KMKK dan adakah KMKK layak untuk bonus ganjaran tahun ini?

(42) YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina Rumah Mesra Rakyat di DUN N.48 Meluan?

(43) YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah tindakan Kerajaan bagi mengawal kerugian kewangan seperti kerosakan infrastruktur awam seperti jalan raya, jambatan, feri dan sebagainya akibat kebebasan beroperasi lori-lori yang membawa muatan melebihi kapasiti yang dibenarkan?

(44) YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi membekal air bersih dan terawat kepada penduduk di kawasan Mudong, Ulu Sebetan dan Ulu Roban?

(45) YB DATUK AMAR HAJAH JAMILAH HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Adakah Kerajaan menilai balik Skim Pembayaran Rumah Spektra memandangkan kebanyakan pemohon terdiri daripada golongan B40?

(46) YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)

To ask the Chief Minister

What are the steps taken to solve the escalated rate of unemployment and to revive our economy due to the impact of pandemic COVID-19?

(47) YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

Apakah perancangan Kementerian terhadap cadangan projek pembangunan semula Taman Tanjung Pedada, Mukah? Adakah Kerajaan Sarawak mempunyai Pelan Induk (*Master Plan*) untuk kawasan di seberang Bandar Mukah termasuklah Taman Tanjung Pedada tersebut?

(48) YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi

Berapakah jumlah sekolah daif di kawasan DUN N.40 Kabong yang telah mendapat peruntukan untuk dibina baru atau dibaikpulih?

(49) YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)

To ask the Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development

What is the latest status on the Food Basket Schemes in Meradong and how many potential farmers can benefit from it?

(50) YB DATO HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Bilakah Kementerian Perumahan akan memulakan pembinaan Rumah-Rumah Mampu Milik seperti Rumah Spektra dan Pertiwi di kawasan Muara Tuang padahal satu tapak tanah sudah dikenal pasti sekian lama untuk tujuan demikian bagi mengatasi masalah kepadatan penduduk di kampung-kampung tradisi?

(51) YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah jenis teknologi yang digunakan untuk membina jalan raya di Sarawak?

(52) YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Keputusan Kerajaan Negeri Brunei Darussalam untuk mengenakan bayaran *Entry and Exit* bagi setiap individu telah dan akan membebankan masyarakat Negeri ini terutama mereka yang berada di Limbang dan Lawas? Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa perancangan bagi membantu meringankan beban mereka yang terkesan terutamanya masyarakat di Bahagian Limbang?

(53) YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Adakah perancangan Kerajaan untuk menambah keluasan Taman Pertanian Kekal Makanan Kabuloh, Miri, berapakah jumlah peserta yang terlibat setakat ini?

(54) YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)

To ask the Minister for Finance and Economic Planning

What are the motives, plan and progress in the constitution and setting up of a State Sovereign Wealth Fund to invest in and to undertake petroleum related projects and projects relating to the development of other minerals and natural resources?

(55) YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

Apakah status pelaksanaan dan pembangunan *Service Centre* di Skim Penempatan Semula Murum (Metalun dan Tegulang)?

(56) YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Bagaimanakah Kerajaan Negeri Sarawak menangani isu pendatang asing tanpa izin yang masih terkandas di dalam Sarawak akibat daripada wabak COVID-19?

(57) YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah usaha jangka pendek dan panjang Kerajaan bagi mengatasi masalah gangguan dan bekalan elektrik yang sering terputus di Maludam? Mengapa masalah ini sering berlaku?

(58) YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Bilakah pihak Kementerian akan membina semula kuarters Kerajaan yang telah uzur di kawasan DUN N.25 Simunjan?

(59) YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Jalan Raya ke Sibu ke Kapit dijangka siap dalam bulan Disember 2020 ini. Perancangan Pembinaan Perhentian Bas Express Awam sudah dikenal pasti tapaknya. Adakah Kerajaan menyediakan peruntukan untuk projek ini?

(60) YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)

To ask the Chief Minister

On 5% Sales Tax on petroleum products.

What are the actual terms of settlement with Petronas regarding the Sales Tax? 5% for how many years and then gradually decrease to how many percent?

(61) YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)

To ask the Minister for Education, Science and Technological Research

Whether there is any plan to establish, Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS) in Kanowit District?

(62) YB DATUK AMAR HAJAH JAMILAH HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Apakah perancangan jangka masa panjang pihak Kerajaan Negeri dalam menstruktur semula stesen pertanian di Daerah Lundu?

(63) YB DATO HENRY HARRY ANAK JINEP (N.2 TASIK BIRU)

To ask the Minister for Infrastructure and Port Development

Whether the Government's planning will include the upgrading of the existing jalan kampung to motorable access roads to the said above mentioned areas?

(64) YB PUAN VIOLET YONG WUI WUI (N.10 PENDING)

To ask the Minister for Local Government and Housing

Are there any measures taken to resolve the traffic congestion problem at the two entrances which are opposite to each other along Jalan Kuching City Mall?

(65) YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Apakah perancangan Kerajaan untuk menangani isu setingan di kawasan Sungai Plan, Sungai Sebatang dan Jalan Bintulu-Kidurong-Samalaju?

(66) YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Dalam perancangan pembinaan bangunan, bangunan apakah yang dibina di Sarawak yang menggunakan material tahan lasak dari sudut:

- (a) Bila berlaku kebakaran; dan
- (b) Bila berlaku gegaran

(67) YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)

Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak

Adakah pihak Kerajaan Sarawak mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Pelaburan (*Investment Committee*) di setiap Bahagian bagi menarik pelaburan ke bahagian masing-masing demi untuk mencapai status negeri maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030?

(68) YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi

Hubungan Negeri-Persekutuan berkenaan isu pendidikan dan kemudahan sekolah:-

Jikalau Kerajaan Negeri mengambil alih isu ini, tidakkah ia membebankan Kerajaan Negeri dan bagaimanakah cara bagi menebus kerugian kewangan Sarawak dari sudut ini?

(69) YB PUAN IRENE MARY CHANG OI LING (N.51 BUKIT ASSEK)

To ask the Minister for Local Government and Housing

Does the Ministry have any plans to improve the current conventional drainage system in Sibu to one which provides the fastest disposal of stormwater runoff? If yes, give details on such plans, areas to be covered and expected date of implementation.

(70) YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Apakah perancangan terperinci Kerajaan Negeri di dalam penggunaan 2.9 bilion cukai jualan SST yang telah dibayar oleh PETRONAS?

(71) YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah status projek *Rural Electrification Last Miles* dan program inisiatif SARES di kawasan DUN N.66 Murum?

(72) YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah status projek naik taraf jalan pesisir dari Kpg Bakam ke Simpang Sepupok Niah?

(73) YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)

To ask the Chief Minister

What steps have been undertaken to regain legal ownership of our petroleum resources to fully protect our petroleum and other natural resources found within the territory of Sarawak to ensure its sustainability for the benefits of our future generations?

4. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Pertama

(a) Supply (2021) Bill, 2020

Ketua Menteri; Menteri Kewangan dan Perancangan Ekonomi; Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.8 Satok

(YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg)

(b) Supplementary Supply (2020) Bill, 2020

Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

(c) Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Bill, 2020

Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

(d) Local Authorities (Amendment) Bill, 2020

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.14 Batu Kawah

(YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian)

(e) Constitution of the State of Sarawak (Amendment) Bill, 2020

Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan; Menteri Belia dan Sukan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.15 Asajaya

(YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah)

5. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Kedua

Supply (2021) Bill, 2020

Ketua Menteri, Menteri Kewangan dan Perancangan Ekonomi; Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.8 Satok

(YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg)

[Pembentangan Belanjawan]

6. Usul untuk merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2021 Kepada Jawatankuasa Perbekalan.

2.30 petang

7. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Kedua

Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Bill, 2020

Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

8. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Ketiga

Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Bill, 2020

Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

9. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Kedua

Local Authorities (Amendment) Bill, 2020

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.14 Batu Kawah

(YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian)

10. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Ketiga

Local Authorities (Amendment) Bill, 2020

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.14 Batu Kawah

(YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian)

11. Penangguhan Mesyuarat